

Kerajaan digesa permudahkan urusan pecah geran tanah lot lidi

Usaha ‘halalkan’ pemilikan bantu rakyat bina rumah selesa dengan kos berpatutan

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa mempermudahkan urusan pecah geran bagi tanah ‘lot lidi’ atau lot kecil, sekali gus ‘menghalalkan’ pemilikannya dan dapat membantu rakyat memiliki tapak untuk pembinaan rumah sendiri yang selesa dengan kos berpatutan.

Pembelian tanah ‘lot lidi’, walaupun berisiko kepada pembeli, tetap menjadi pilihan kerana harganya lebih murah berbanding rata-rata kediaman ketika ini, terutama rumah bertanah yang disifatkan di luar kemampuan rakyat berpendapatan sederhana dan rendah.

Gesaan itu antara yang disuarakan dalam reaksi terhadap laporan eksklusif *BH* semalam mengenai pembelian tanah ‘lot lidi’ yang disahkan menyalahi tiga undang-undang dan berisiko tinggi berhubung hak milik.

Laporan muka depan itu men-

dedahkan, walaupun menjadi kaedah mudah dan popular memiliki tapak untuk pembinaan kediaman pada masa ini, tanah lot kecil sedemikian jelas melanggar Kanun Tanah Negara, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 serta Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Pelanggaran undang-undang menyebabkan urusan jual beli tanah berkenaan tidak sah, termasuk struktur seperti kediaman yang dibina di atasnya berdepan risiko sukar dijual dan nama pembeli tidak boleh didaftarkan sebagai tuan punya tanah.

Malah, urus niaga lot lidi dengan tiada hak milik individu dan pindah milik kepada pembeli juga bertentangan dengan prinsip Sistem Torrens yang juga teras Kanun Tanah Negara.

Lot lidi merujuk penjualan lot tanah lebih kecil yang dipecah-pecahan di atas sebidang tanah besar dan menurut Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), status lot lidi tidak sah dari segi undang-undang kerana tidak melalui proses pemajuan tanah, iaitu pecah sempadan.

Menerusi ruangan komen di Facebook *Berita Harian Online* semalam, sebahagian warganet menggesa kerajaan memudahkan urusan pecah geran tanah yang didakwa amat rumit selain memakan kos tinggi.



Kenakan sedikit bayaran

Seorang daripada mereka, Saed Ramli, berkata tindakan kerajaan memudahkan urusan pecah geran tanah milik individu kepada lot lidi dapat membantu rakyat memiliki tapak tanah dan rumah sendiri.

“Bantulah rakyat memilih dan memiliki rumah dan tapak tanah sendiri. Kerajaan boleh kenakan sedikit bayaran perkhidmatan pecah hak milik lot lidi itu. Bantu rakyat, jangan susahkan rakyat,” katanya.

Seorang lagi pengguna Facebook, Deen Nie Alnurizzman, mencadangkan kerajaan dan pentadbir tanah menggubal semua undang-undang berkaitan isu berkenaan untuk memudahkan urusan rakyat.

“Kalau perkara itu (jual beli lot lidi) salah, gubal semula undang-undang untuk menjadikannya sah agar rakyat yang tak mampu, dapat miliki lot untuk bina rumah. Harga lot besar mah-

OFFICIAL RECEIPT		
No: 0045		
Date: 8/4/2023		
CUSTOMER DETAILS		
Name		
NRIC	Contact No.:	
PAYMENT DETAILS		
Site	BALAKONG 1	<input type="checkbox"/> CASH <input type="checkbox"/> TRANSFER <input type="checkbox"/> CHEQUE
Location	JENJAPON	RM 200.00
Plot No.	1	Remark RM 200.00
PAYMENT FOR		
<input checked="" type="checkbox"/> Lock / Deposit (Not refundable in the case of cancellation plot)	RM 200.00	
Progressive payment (10 %)	RM 5,000.00	
Progressive payment (40 %)	RM 15,000.00	
Balance (50 %)	RM 25,500.00	
Full Payment (for 3 days term)		
Others:		
Received By:	<i>[Signature]</i>	
Issued By:	<i>[Signature]</i>	
3 Payment (40 %)	18/4/2023	15,000.00
4 Payment (50 %)	22/4/2023	25,500.00

Resit pembayaran pembeli yang hampir tertipi dan menjadi mangsa penipuan pembelian lot tanah lidi.

al, sepatutnya kerajaan perlu kaji undang-undang untuk memudahkan urusan rakyat,” katanya.

Sementara itu, Mohd Zool Hilmi Mahsin dalam komennya, mendakwa Sistem Torrens yang digunakan dalam sistem pendaftaran dan pendaftaran tanah di Semenanjung, sebagai menyusahkan.

“Sistem Torrens itu yang menyusahkan. Ini terjadi bila mana anak mewarisi tanah ibu bapa mereka. Nak pecah geran ingat senang dan murah ke, bu-

kan semuanya ade duit dan prosesnya panjang,” katanya.

Ada juga dalam kalangan warganet menggesa kerajaan bertindak tegas terhadap penjual tanah lot lidi yang memperdaya dan menganiaya pembeli.

“Segerakan tangkap (penjual tanah lot lidi) bagi mengelakkan ramai lagi yang teraniaya. Kecelakaan bagi pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan terhadap pembeli,” tulis Daniel Izham Hakim.